

27/01/2001

Tumpuan Umno pupuk perpaduan

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Jumaat - Beberapa pemimpin Umno hari ini menjelaskan bahawa soal penyertaan Pas dalam Barisan Nasional (BN) tidak timbul buat masa ini kerana tumpuan utama adalah untuk mencari kaedah perpaduan Melayu.

Malah, mereka menyifatkan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa Umno tidak akan menghalang penyertaan Pas dalam BN jika ia diterima oleh parti komponen lain, sebagai satu pilihan semata-mata dan lebih menjurus kepada perancangan jangka panjang.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kenyataan Dr Mahathir itu menggambarkan sikap terbuka Perdana Menteri dan Umno mengenai kemungkinan kemasukan semula Pas ke dalam BN.

"Pas sendiri sudah menyatakan bahawa ia tidak berminat menyertai BN. Oleh itu, soal ini (kemasukan ke dalam BN) dijangka tidak dimasukkan dalam agenda pertemuan Umno-Pas nanti.

"Ini kerana buat masa sekarang, tumpuan kita adalah kepada usaha untuk memupuk perpaduan Melayu dan masih terlalu awal untuk membincangkan kemungkinan Pas masuk BN," katanya ketika dihubungi.

Di Jitra semalam, Dr Mahathir dilaporkan berkata bahawa beliau tidak fikir Pas akan menyertai semula BN tetapi hakikatnya, jika Pas hendak masuk BN, ia terpulang kepada parti komponen lain dan Umno tidak akan menghalang kerana membuka pintunya kepada sesiapa saja.

Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata, adalah lebih elok peluang diberi kepada pemimpin atasan Umno dan Pas untuk membincangkan apa saja yang difikirkan boleh menyatupadukan orang Melayu.

"Kita tidak boleh mendahului apa yang mereka hendak bincang. Malah, Majlis Tertinggi (MT) Umno belum memutuskan soal (agenda) perbincangan yang perlu dipersetujui kedua-dua belah pihak," katanya.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib pula berkata, kenyataan Dr Mahathir itu adalah cuma satu pilihan kerana soal perpaduan Melayu merangkumi isu yang lebih meluas.

"Soal kemasukan Pas ke dalam BN adalah pilihan, bukan mutlak. Dalam perbincangan perpaduan Melayu, tajuknya begitu luas. Oleh itu kita tidak boleh menyempitkan skop itu.

"Kita alu-alukan pilihan itu dan terpulang kepada pemimpin Umno dan Pas untuk membincang lanjut. Mungkin isu ini lebih berupa langkah jangka panjang kerana akhirnya Pas harus memikirkan soal perpaduan Melayu yang konteks yang lebih meluas," katanya.

Beliau berkata, apa yang lebih penting sekarang ialah kedua-dua pemimpin Umno dan Pas duduk berbincang terlebih dahulu mengenai perpaduan Melayu kerana selagi isu itu tidak selesai, orang Melayu keseluruhannya akan rugi.

Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein berkata, banyak lagi perkara yang perlu ditangani berkaitan dengan orang Melayu, termasuk soal pendidikan dan ekonomi kerana tiada masa untuk berbalah sesama sendiri.

Oleh itu katanya, dalam usaha melaksanakan tuntutan itu, memerlukan orang Melayu bersatu padu.

"Pada saya, yang penting bukan semata-mata sistem BN itu sendiri, tetapi kesedaran dan keikhlasan membela nasib orang Melayu. Kaedah ini perlu difikirkan.

"Jika Pas rasa landasan BN sesuai untuk mencapai matlamat itu, saya rasa ia boleh diterima dalam keadaan yang akan memberi faedah kepada generasi akan datang," katanya.

(END)